

**BAHAGIAN 13**  
**PERUNTUKAN SEMENTARA DAN PERALIHAN**

**166. Pewarisan Harta.**

(1) (Dimansuhkan)

(2) (Dimansuhkan)

(3) Mana-mana tanah yang terletak pada Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang yang sebelum sahaja Hari Merdeka telah diduduki atau digunakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Bagi Queen atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam bagi maksud-maksud yang mengikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, menjadi maksud-maksud persekutuan hendaklah pada dan selepas Hari Merdeka diduduki, digunakan, dikawal dan diurus oleh Kerajaan Persekutuan atau mengikut mana yang berkenaan oleh pihak berkuasa awam yang tersebut itu, selagi tanah itu dikehendaki bagi maksud-maksud persekutuan, dan :-

(a) tidak boleh dilepaskan atau digunakan bagi apa-apa maksud, lain Kerajaan Persekutuan, dan

(b) tidak boleh digunakan bagi maksud-maksud persekutuan yang lain daripada yang baginya tanah itu telah digunakan persetujuan sahaja Hari Merdeka dengan tiada persetujuan Kerajaan Negeri itu.

(4) (Dimansuhkan)

(5) (Dimansuhkan)

(6) (Dimansuhkan)

(7) (Dimansuhkan)

(8) Mana-mana harta yang sebelum sahaja Hari Merdeka, kerana dikembalikan kepada Baginda Queen mengenai Kerajaan Melaka atau Kerajaan Pulau Pinang hendaklah pada Hari Merdeka kena dikembalikan kepada Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang, mengikut mana yang berkenaan.